

SOALAN NO. 30**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) berikutan dengan pengumuman yang dibuat oleh YAB. Perdana Menteri di Kota Kinabalu Sabah pada 16 September 2017, siapakah anggota serta bilakah jawatankuasa khas mengenai Perjanjian Malaysia 1963 bagi mengkaji hak-hak negeri Sabah dan Sarawak ini akan bermesyuarat ; dan

(b) apakah syarat dan terma rujukan jawatankuasa ini.

78

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi empowerment secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan kepada hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada negeri-negeri itu dan bersetuju bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuk dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil

Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan *Devolution of Authority* kepada Sabah dan Sarawak antara wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan yang dipengerusikan oleh Peguam Negara Malaysia telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada 10 Ogos 2016, 27 September 2016 dan 1 Disember 2016.

Seterusnya, perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal tersebut telah pun dibawa untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Pemandu. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan *Devolution of Authority* kepada Sabah dan Sarawak telah diadakan pada 25 Julai 2017 dan dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu tersebut turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan daripada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan. Memandangkan rundingan sedang giat dijalankan dan belum dimuktamadkan, butiran terperinci mengenai mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum. Semua perjalanan mesyuarat ini bertaraf Rahsia.

Sekian, terima kasih.